



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

PELAKSANAAN PROJEK MENAIK TARAF JAJARAN REDLINE (SHORT STRETCH) LEBUHRAYA PAN BORNEO SARAWAK BUKTI KOMITMEN KERAJAAN MENINGKATKAN KEMUDAHAN DAN KESELAMATAN RAKYAT

BINTULU, SARAWAK - Kementerian Kerja Raya (KKR) meneruskan usaha memperkukuh dan meningkatkan kualiti infrastruktur jalan raya di Sarawak menerusi Lawatan Turun Padang Projek Menaik Taraf Jajaran Redline di Lebuhraya Pan Borneo Sarawak (Short Stretch), hari ini.

2. Projek Jajaran Redline (Short Stretch) sepanjang 17.1 kilometer melibatkan kerja-kerja menaik taraf struktur turapan jalan di sembilan lokasi, iaitu di Lachau, Selangau, Balingian, Kemena, Sebiew dan Tudan.

3. Projek ini merupakan inisiatif Kerajaan untuk menaik taraf laluan sedia ada yang tidak termasuk dalam pelaksanaan awal Lebuhraya Pan Borneo. Sebelum pelaksanaan projek tersebut, kira-kira 87 peratus jajaran sedia ada merupakan jalan tunggal dua lorong bertaraf substandard, iaitu Piawaian JKR R5.

4. Proses perolehan bagi projek ini kini telah lengkap disempurnakan. Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak telah mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada Syarikat DAL-HCM Sdn. Bhd. pada 18 Ogos 2026. Pihak kontraktor telah menerima milik tapak secara rasmi pada 17 September 2026, dan tempoh pelaksanaan projek ini adalah selama 16 bulan dengan tarikh sasaran siap kerja pada awal tahun 2028.

5. Kerajaan berharap agar seluruh proses dan kerja-kerja naik taraf ini berjalan dengan lancar mengikut jadual serta kualiti yang ditetapkan. Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama JKR Sarawak akan sentiasa memantau secara berterusan dan ketat bagi memastikan pihak kontraktor mematuhi standard keselamatan serta garis masa yang ditetapkan. Apabila siap kelak, ia akan memberikan kemudahan pengangkutan yang lebih selesa, selamat, dan cekap demi kesejahteraan seluruh rakyat Sarawak.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
21 SEPTEMBER 2026

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MYJALAN

#TangkasBertindak

#KerajaanMADANI

#MADANIbekerja